



MPC(PCD)600-4/1/22

20 November 2020

YM Che Ku Amir Rizal bin Che Ku Mohd

No. 43, Jalan Seri Damai 24

Taman Seri Jelok

43000 Kajang

Selangor

Tuan

PERLANTIKAN SEBAGAI TENAGA PAKAR SEMAKAN DAN PENAMBAHBAIKAN GARIS PANDUAN PELESENAN PERNIAGAAN BAGI KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI (KeTSA), KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM), LEMBAGA PEMBANTU PERUBATAN (LPP) DAN JABATAN MINERAL & GEO-SAINS (JMG).

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) merupakan badan berkanun di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan menjalankan Projek Penambahbaikan Ketelusan Pelesenan Perniagaan bagi Kementerian Tenaga Dan Sumber Asli (KeTSA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Lembaga Pembantu Perubatan (LPP) Dan Jabatan Mineral & Geo-Sains (JMG).

3. Objektif projek ini adalah untuk mengenalpasti dan menambahbaik ketelusan peraturan dan prosedur pelesenan perniagaan yang perlu diterbitkan secara dalam talian bagi meningkatkan kecekapan kawalselia pelesenan perniagaan. Sehubungan itu, bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar dan jayanya, MPC ingin melantik tuan sebagai tenaga pakar bagi menjalankan inisiatif ini. Bersama-sama ini juga disertakan Surat Setuju Terima (Lampiran 1) dan Terma Rujukan (Lampiran 2) untuk makluman. Mohon kerjasama tuan untuk mengembalikan Surat Setuju Terima yang telah lengkap diisi kepada pihak kami bagi pengesahan penerimaan perlantikan.

4. Segala sokongan dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan inisiatif ini amat dihargai dan didahului ucapan terima kasih. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan program boleh hubungi Pn Anis Marina Abd Wahab di talian 012-973 9132 atau e-mel Anis@mpc.gov.my.

Sekian, terima kasih

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
'MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in dark ink, appearing to read 'Azrol', with a horizontal line underneath it.

(MOHAMAD AZROL MOHAMAD DALI)

Timbalan Pengarah

Bahagian Pembangunan Produktiviti dan Daya Saing

b.p Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)




SURAT SETUJU TERIMA

Kepada:
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Lorong Produktiviti, Off Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya, Selangor.
(U.P.: Pn Anis Marina Abd Wahab)

Fax: 03 – 7954 7910

PENERIMAAN PERLANTIKAN SEBAGAI TENAGA PAKAR SEMAKAN DAN PENAMBAHBAIKAN GARIS PANDUAN PELESENAN PERNIAGAAN BAGI KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI (KeTSA), KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM), LEMBAGA PEMBANTU PERUBATAN (LPP) DAN JABATAN MINERAL & GEO-SAINS (JMG).

Saya, Che Ku Amir Rizal bin Che Ku Mohd bersetuju untuk menerima tawaran pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia sebagai perunding bagi Projek Penambahbaikan Ketelusan Pelesenan Perniagaan sebagaimana yang dinyatakan dalam surat tawaran dan terma rujukan yang disertakan

Tandatangan:  

Tarikh : 28 November 2020

Butiran maklumat yang diperlukan:-

Nama : Y.M Che Ku Amir Rizal bin Che Ku Mohd

Nama Syarikat : MPC Associate

Nama Bank dan Akaun No : Bank Rakyat - 220931270806